



Ruj Kami : JANM.600-15/4/6 (44)
Tarikh : 4 September 2026

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian

Pengarah JANM Negeri/Cawangan

Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 15 TAHUN 2026

**ARAHAN OPERASI BAGI TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN DAN PEMANTAUAN
PENGURUSAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR (WPK) DI PUSAT
TANGGUNGJAWAB (PTJ) SUSULAN PENEMUAN AUDIT BERULANGAN BERDASARKAN
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (PKKP)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak Pejabat Perakaunan, pengauditan yang dilaksanakan oleh **Jabatan Audit Negara** terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah berulang kali membangkitkan teguran audit berhubung kelemahan dalam aspek pengurusan, pemantauan dan pengendalian **Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK)**. **Penemuan audit ini perlu diberi perhatian serius** dan **diambil tindakan preventive action** oleh PTJ dalam memastikan **kesilapan yang sama tidak berulang**. Antara penemuan adalah seperti berikut:

Bil	Penemuan Audit	Impak
1.	WPK Tidak Dikutip Mengikut Tahap Kemajuan Kerja Yang Ditetapkan Potongan bayaran balik tidak diselesaikan walaupun projek siap pada tahap 75%, tempoh bayaran balik melebihi tempoh kontrak, dan potongan tidak dibuat bagi kemajuan projek melebihi 25%.	- Kelewatan dalam mengutip semula (rekupmen) WPK daripada kontraktor meningkatkan risiko kegagalan Kerajaan mendapatkan semula wang yang telah didahulukan, khususnya bagi projek yang berstatus sakit. - Terdapat kes di mana kelewatan tindakan tuntutan bayaran balik WPK telah menyebabkan tunggakan berlarutan sehingga

Bil	Penemuan Audit	Impak
		syarikat terlibat digulungkan atau dibubarkan, sekali gus menjejaskan usaha Kerajaan untuk mendapatkan semula bayaran tersebut. Oleh itu, tindakan kutipan semula (rekupmen WPK) yang segera dan berkesan adalah penting bagi melindungi kepentingan Kerajaan serta memastikan aliran tunai Kerajaan sentiasa terpelihara.
2.	Ketidaktepatan Amaun WPK (Terkurang / Terlebih Nyata) Melibatkan perbezaan jumlah WPK antara rekod Kementerian/Jabatan (Lejar Kontrak WPK) dengan iGFMS yang menyumbang kepada ketidaktepatan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP). Perbezaan boleh berpunca daripada rekupmen yang tidak dibuat berdasarkan Dokumen Borang Perakuan Bayaran Interim (JKR 66).	Menjejaskan integriti maklumat kerana Penyata Kewangan tidak menggambarkan kedudukan aset semasa Kerajaan dengan tepat.
3.	Baki Akaun Belum Terima (ABT) WPK Tertunggak Terdapat syarikat yang mempunyai baki WPK tidak bergerak sejak tahun 2015 akibat projek yang ditamatkan atau terbengkalai, dan telah tertunggak melebihi 10 tahun. Melibatkan baki WPK yang perlu dikutip daripada syarikat yang telah menerima Notis Penamatan, namun tidak dilaporkan sebagai ABT di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.	Keadaan ini meningkatkan risiko wang Kerajaan tidak dapat dikutip semula serta menjejaskan aliran tunai Kerajaan apabila WPK terus terikat dalam ABT untuk tempoh yang panjang.

3. Kebertanggungjawaban PTJ di bawah Kementerian adalah memastikan WPK dikutip semula (direkup) melalui Arahan Pembayaran interim selewat-lewatnya apabila nilai kerja projek mencapai 75%. **Sebagai langkah dan usaha ke arah teguran berulang berstatus “SIFAR” bagi WPK ini**, BA Kementerian dimohon untuk **menyelaras/ mendapatkan kerjasama segera dengan Bahagian/ PTJ yang bertanggungjawab di Kementerian** bagi perkara berikut :

Bil	Tindakan	Penambahbaikan berdasarkan Syor Audit
1.	Arahan Operasi dan Sesi Hands On Kepada PTJ dalam mematuhi jadual rekupmen WPK melalui Arahan Pembayaran Interim sebaik sahaja kemajuan projek melepasi 25% dan rekupmen WPK disempurnakan selewat-lewatnya 75%.	Menyediakan arahan operasi kepada PTJ bagi memastikan WPK dibuat rekupmen selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa dan dibuat pemantauan rapi melalui proses semak Pejabat Perakaunan (AO) seperti mana yang digariskan dalam garis panduan yang dilampirkan. Surat edaran ini hendaklah dibaca bersekali dengan Edaran Tatacara Perakaunan Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) Di Bawah Kawalan Kerajaan Persekutuan [Kod A0591101] Versi 1/2026 rujukan JANM.600-4/2/41 (4) bertarikh 14 Julai 2026 yang telah menggariskan tindakan secara terperinci. Antara perkara yang perlu diberikan perhatian adalah memastikan PTJ di bawah seliaannya mengemukakan salinan borang JKR.66 (perolehan kerja) atau jadual pembayaran (perolehan bekalan / perkhidmatan) untuk semakan AO sebelum Peraku II Arahan Pembayaran/ Baucar Jurnal yang melibatkan kod akaun WPK. Pegawai penyemak AO boleh melakukan kuiri sekiranya dokumen yang diterima tidak tepat atau lengkap.
2.	Garis panduan dalaman bagi pengurusan ABT WPK	Mendapatkan kerjasama Bahagian yang bertanggungjawab di Kementerian seperti Bahagian Kewangan dan Bahagian Pembangunan) untuk : i. Menyediakan garis panduan dalaman bagi pengurusan ABT WPK supaya penyelenggaraan rekod, pemantauan dan susulan terhadap kutipan balik WPK dibuat dengan teratur dan sistematik. Data kewangan lejar ABT perlu diselaraskan secara berkala antara Bahagian Pembangunan dan Bahagian Kewangan; ii. Mengambil tindakan segera bagi menuntut bayaran balik WPK yang tertunggak bagi memastikan kutipan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan;

Bil	Tindakan	Penambahbaikan berdasarkan Syor Audit
		iii. Memperkukuh mekanisme pemantauan terhadap ABT WPK melalui semakan dan tindakan susulan secara berkala bagi memastikan semua tunggakan dapat dikutip dengan lebih berkesan;
3.	Pengurusan Jaminan Bank / Jaminan Insurans WPK & Pencairan Segera Jaminan WPK	i. Pengesahan Ketulenan: PTJ wajib mengesahkan ketulenan Jaminan Bank / Jaminan Insurans secara bertulis terus dengan pihak bank/penjamin penerbit untuk mengelakkan kes jaminan palsu. ii. Semakan Sah Laku: Memastikan tempoh Jaminan Bank sentiasa sah laku sepanjang tempoh kontrak sehingga rekupmen selesai. Jika ada tempoh lanjutan masa kontrak, Jaminan Bank/Insurans perlu dilanjutkan. iii. Pencairan Segera: Mencairkan Jaminan Bank WPK dengan kadar segera apabila kontraktor gagal melaksanakan tindakan bayaran balik WPK dalam tempoh yang ditetapkan.
4.	Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT) & Hapus Kira WPK- Kementerian memastikan ABT WPK dinyatakan dengan tepat dalam Nota Kepada Akaun Penyata Kewangan Kementerian	i. Pengiktirafan ABT WPK: Mana-mana WPK yang tidak dapat dikutip susulan Notis Penamatan/Projek Sakit perlu dilaporkan sebagai ABT WPK (Pekeliling Perbendaharaan WP10.6, Perenggan 6.1, ABT-1e) pada 30 Jun dan 31 Disember. ii. Prosedur Hapus Kira (WP 10.3): Jika ABT gagal dikutip selepas tindakan undang-undang, PTJ mohon kelulusan Hapus Kira daripada Perbendaharaan (MOF).
5.	Pelaporan Suku Tahun WPK & Penyata Semakan Baki	PERINGKAT PERTAMA: i. Peringkat PTJ Membayar kepada AO yang membayar. Contoh Projek di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dilaksanakan oleh JKR Kuching – JKR Kuching

Bil	Tindakan	Penambahbaikan berdasarkan Syor Audit
		menghantar laporan berikut ke JANM Sarawak: • Sijil Pengesahan Baki WPK (Sukuan 1 & 2). • Laporan Kertas Kerja Sokongan (KKS) Interim (Sukuan 3) dan Akhir Tahun. • Lejar Kontrak terkini dan dikemaskini. • Salinan Jaminan Bank (BG) / Insurans terkini. • Salinan Arahan Pembayaran bersama dokumen sokongan (<i>jika perlu</i>). PERINGKAT KEDUA: ii. Peringkat AO kepada BA Kementerian Dipertanggung. Contoh JANM Sarawak hantar ke BA KPM: • Sijil Pengesahan Baki WPK yang disemak dan disahkan (Sukuan 1 & 2). • Laporan KKS Interim (Sukuan 3) dan Akhir Tahun. • Lejar Kontrak terkini. PERINGKAT KETIGA: iii. Peringkat BA Kementerian kepada BPOPA, JANM. Contoh BA KPM kepada BPOPA: • Sijil Pengesahan Baki WPK (Sukuan 1 & 2). • Laporan KKS Interim (Sukuan 3) dan Akhir Tahun.

4. Bagi memastikan arahan operasi ini dilaksanakan dengan efektif, pemantauan secara *hands-on* dan terperinci diperlukan daripada Bahagian yang terlibat di Kementerian dan Pejabat Perakaunan bagi memastikan baki WPK adalah tepat dan ABT WPK dikutip sewajarnya. BA Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan dimohon untuk memberikan maklum balas serta maklumat yang berkaitan seperti berikut:

- i. Menyediakan arahan operasi kepada PTJ berdasarkan surat edaran BPOPP dan tatacara yang telah dikeluarkan oleh BPOPA seperti di Lampiran;

- ii. Melaksanakan sesi hands-on melalui taklimat/bengkel/klinik kepada PTJ bagi memastikan pegawai di PTJ memahami tatacara perakaunan WPK dan memantapkan kompetensi pegawai; dan
- iii. Pemantauan terperinci oleh Pejabat Perakaunan secara bulanan terhadap PTJ yang terlibat dengan pembayaran dan rekupmen WPK.

Kerjasama Pejabat Perakaunan memberi status pelaksanaan dalam melaksanakan perkara di atas melalui pautan berikut:

<https://tinyurl.com/Pemantauan-WPK>

5. Kerjasama Pejabat Perakaunan dimohon untuk memanjangkan inisiatif terperinci Surat Edaran ini di dalam arahan operasi kepada semua Ketua PTJ di bawah seliaan bagi memastikan pematuhan penuh ke atas peraturan kewangan yang berkuat kuasa amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan'

Saya yang menjalankan amanah,



(AYUB BIN HAJI ZAIDIN C.A.(M))

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
b/p Akauntan Negara